## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 22/99) Rang Undang-undang Perbekalan 2000 - Menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **(29 Oktober, 1999)**

**DAN**

**Usul dibuat oleh Menteri Kewangan dan Masalah dicadangkan:**

**Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah buah Majlis:**

Bahawa Dewan ini mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.

**Menyambung semula Perbahasan atas Masalah (29 Oktober, 1999)**

2. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Marang mencadangkan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1999 bagi memasukkan ke dalam Senarai Kedua, Jadual Kesembilan List II – State List selepas perkataan 'Malay Customs' dibaris 11, perkataan-perkataan yang berikut:

"Dengan syarat selanjutnya bahawa kuasa sedemikian boleh dijalankan berkenaan dengan kesalahan murtad yang boleh dihukum bunuh".

3. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]:** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Marang untuk mencadangkan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1999 bagi memasukkan ke dalam Seksyen 46, Sub-seksyen (2)(a) yang berikut:-

> "dalam bidangkuasa jenayahnya…….Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, termasuk kesalahan murtad" atau ……"

4. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Marang mencadangkan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1999 bagi memasukkan ke dalam Seksyen 2, selepas perenggan 2, perenggan 3 yang berikut:-

> "Dengan syarat selanjutnya bahawa kuasa sedemikian boleh dijalankan berkenaan dengan kesalahan murtad yang boleh dihukum bunuh".

5. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Marang mencadangkan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Kesalahan Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1999 bagi memasukkan ke dalam Seksyen 5, Seksyen 5A yang berikut:

(1) Irtidad atau riddah atau murtad ialah apa-apa perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebabkan oleh seorang Islam yang mukallaf yang mana perbuatan atau perkataan itu mengikut Hukum Syara' adalah menjejaskan atau berlawanan dengan aqidah agama Islam; Dengan syarat bahawa perbuatan itu dilakukan atau perkataan itu disebutkan dengan niat, dengan sukarela dan dengan pengetahuan, dan tanpa apa-apa paksaan oleh sesiapa atau oleh keadaan.

(2) Perbuatan-perbuatan atau perkataan-perkataan yang menjejaskan aqidah itu ialah perbuatan-perbuatan atau perkataan-perkataan mengenai atau bersabit dengan perkara-perkara dosa yang dianggap mesti diketahui dan dipercayai oleh tiap-tiap orang Islam sebagai pengetahuan umumnya kerana dia orang Islam seperti perkara-perkara mengenai Rukun Islam, Rukun Iman dan perkara-perkara halal dan haram.

(3) Sesiapa yang disabitkan melakukan kesalahan irtidad, hendaklah sebelum dijatuhi hukuman ke atasnya, dikehendaki oleh Mahkamah supaya bertaubat dalam tempoh yang tidak kurang daripada tiga hari setelah dia didapati bersalah.

(4) Sekiranya dia enggan bertaubat dan masih lagi berterusan dengan pendiriannya terhadap perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan itu, maka Mahkamah hendaklah mengisytiharkan hukuman bunuh ke atasnya, dan memerintahkan supaya hartanya sama ada diperolehi sebelum atau selepas dia melakukan kesalahan itu dirampas untuk dipegang bagi keperluan Baitulmal. Dengan syarat bahawa sekiranya dia bertaubat sama ada sebelum dijatuhi hukuman bunuh ke atasnya atau selepas dijatuhi hukuman itu ke atasnya tetapi sebelum dijalankan lagi hukuman bunuh itu, maka hendaklah dia terlepas daripada hukuman bunuh itu, dan hartanya yang dihukum rampas itu hendaklah dipulangkan kepadanya. Dengan syarat selanjutnya bahawa dia hendaklah dipenjara selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun.

6. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Marang mencadangkan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1999.

7. **Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran mengikut Peraturan Mesyuarat 49 (1) kepada Ahli Parlimen bagi Kawasan Tanjong mencadangkan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Kawalan Sewa untuk meminda Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997 untuk melanjutkan tempoh peralihan pembubaran sehingga tahun 2005, dengan menggantikan ‘31Disember 1999’ dalam Seksyen 5 (1) dengan perkataan ‘31 Disember 2005’.

8. **Tuan Yunof Edward Meringking [Tuaran]:** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peratuan mesyuarat 49 (I) kepada YB. Ahli bagi Kawasan Tuaran mencadangkan satu Rang Undang-undang ahli Persendirian bernama Rang Undang-undang Kesalahan Pilihanraya (Pindaan) 1999 bagi memasukkan satu peruntukan baru iaitu Seksyen 42 (3) yang berikut:

> "Sebarang keputusan mengenai bantahan awal yang tidak menyentuh langsung tentang kesahihan sesuatu Petisyen Piilihanraya yang diputuskan sebelum perbicaraan sesuatu petisyen bolehlah dirayu terus kepada Mahkamah Persekutuan tanpa kebenaran hakim Petisyen Pilihanraya berkenaan dan dengan syarat walaupun demikian perbicaraan petisyen yang dirayu itu hendaklah dimulakan tidak lewat 60 hari selepas difailkan dan sesuatu petisyen hendaklah diselesaikan dalam tempoh 100 hari selepas pembicaraan itu dimulakan".

9. **Tuan Yunof Edward Meringking [Tuaran]:** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyaurat 49 (I) kepada Y.B. Ahli bagi kawasan Tuaran mencadangkan satu Rang Undang-undang Ahli persendirian bernama Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1999 bagi memasukkan peruntukan baru iaitu Fasal 113 (2A) (I) dan 113 (2A) (2) ke dalam Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

**<u>Fasal 113 (2A) (1)</u>**

Suruhanjaya tidak boleh membuat sebarang tinjauan Persempadanan bagi maksud Pilihanraya Dewan Undangan Negeri yang melibatkan pemansuhan mana-mana kawasan Dewan Undangan Negeri yang sedia wujud atau yang melibatkan pewujudan kawasan baru kecuali dengan persetujuan dan/atau bagi maksud melaksanakan ketetapan yang telahpun dibuat oleh Dewan Undangan Negeri yang berkenaan.

**<u>Fasal 113 (2A) (2)</u>**

Apabila Suruhanjaya membuat tinjauan persempadanan Pilihanraya Parlimen atau Negeri maka Daftar-Daftar Pemilih bagi semua kawasan dan Bahagian atau unit Pilihanraya yang disemak hendaklah juga dijalankan serentak dan dibentang bersama dengan cadangan di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri di mana sahaja yang berkenaan untuk kelulusan.

10. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]:** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini membincangkan penubuhan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat dan menangani tragedi budaya assasinasi tokoh politik di negara ini di mana mangsa terbarunya ialah bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim diracuni dengan arsenik dan keanggotaan Suruhanjaya Diraja itu juga hendaklah dimasukkan tokoh-tokoh dari parti-parti pembangkang (Parti Alternatif).

11. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]:** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini membincangkan penubuhan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat dan menangani isu rasuah dan salahguna kuasa oleh beberapa orang pemimpin negara seperti yang disebut di dalam empat laporan polis oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini dan keanggotaan Suruhanjaya Diraja itu juga hendaklah dimasukkan tokoh-tokoh dari parti-parti pembangkang (Parti Alternatif).

12. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]:** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini membincangkan penubuhan Suruhanjaya Diraja bagi menyiasat dan menangani isu provokasi pihak polis terhadap Perhimpunan Aman untuk menghantar memorandum kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari Ahad, 19 September, 1999 yang lalu, ekoran jentera pentadbiran Kerajaan hampir keseluruhannya dilihat sudah tidak berfungsi dengan meyakinkan, supaya hak-hak demokrasi untuk menyuarakan isu-isu penting negara oleh rakyat diberi ruang dan dihormati dan keanggotaan Suruhanjaya Diraja itu juga hendaklah dimasukkan tokoh-tokoh dari parti-parti pembangkang (Parti Alternatif).

13. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]:** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini membincangkan penubuhan Badan Penyiasat Bebas menangani konspirasi dan persekongkolan pihak pejabat tanah, polis, mahkamah, pemaju, gangster dan Menteri Besar Selangor yang menindas 81 peneroka Kampung Sungai Nipah, Batu Tiga, Shah Alam sejak beberapa tahun lalu dan keanggotaan Badan Penyiasat Bebas itu juga hendaklah dimasukkan tokoh-tokoh dari parti-parti pembangkang (Parti Alternatif).

14. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]:** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini membincangkan penubuhan Badan Penyiasat Bebas menangani kelewatan pihak Pendaftar Pertubuhan memproses dan meluluskan permohonan pihak NGO dan individu yang ingin mendaftarkan diri sebagai organisasi politik yang mana mereka menyahut cabaran Perdana Menteri, 'turun ke padang, jangan berselindung, jika ingin berpolitik', terutama sebagai contoh dalam kes pendaftaran Parti Sosialis Malaysia tajaan Dr. Hashim Mohd. Nasir dan keanggotaan Badan Penyiasat Bebas itu juga hendaklah dimasukkan tokoh-tokoh dari parti-parti pembangkang (Parti Alternatif).

15. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini hendaklah membincangkan cara-cara mengimplementasikan isu-isu kaum wanita yang telah disuarakan dan disenaraikan di "Agenda Wanita Untuk Perubahan" yang telah disokong oleh lebih dari 76 Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO'S)

16. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan kesal terhadap Kerajaan-Kerajaan Negeri (Barisan Nasional) yang tidak memberi tanah untuk membina kuil-kuil pada hal mereka telah merobohkan kuil-kuil yang dibina atas tanah Kerajaan.

17. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan kesal terhadap pihak polis dimana beberapa rakyat Malaysia telah ditembak mati oleh pihak polis termasuk Puan N. Selamalar, 31 tahun dari Balakong, Selangor yang hamil 8 bulan dan mendesak Kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Bebas (Royal Commission) untuk menyiasat semua kes-kes ini.

18. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini hendaklah membincangkan penggunaan senjata api oleh polis semasa menjalankan tugasnya untuk memelihara kepentingan rakyat. Dewan juga mendesak supaya Kerajaan mengadakan sebuah suruhanjaya untuk menyiasat kes-kes tembakan seperti kematian Dr. Tai Eng Teck agar segala kelemahan termasuk pencerobohan hak-hak asasi manusia dapat ditangani dengan berkesan.

19. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** akan mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini mempertimbangkan aduan dan rayuan yang pokok daripada semua kaum dan lapisan masyarakat sebagai amalan biasa dalam sistem demokrasi berparlimen. Dewan ini hendaklah meluluskan 17 rayuan pokok daripada perpaduan nasional kepada orang asli yang dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan masyarakat Cina.

## RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

| TAHUN 1999 | RISALAT/DOKUMEN | TARIKH DIBENTANGKAN |
|---|---|---|
| CMD. 12 | Laporan Ekonomi 1999/2000 | 29 Oktober, 1999 |
| CMD 13 | Penyata daripada Kementerian Kewangan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2000 | 29 Oktober, 1999 |
| CMD. 14 | Anggaran Perbelanjaan 2000 | 29 Oktober, 1999 |
| CMD. 15 | Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 2000 | 29 Oktober, 1999 |
| CMD. 16 | Senarai Perjawatan [Jld. I, II dan III] | 29 Oktober, 1999 |
| CMD. 20 | Memorandum Jabatan Perdana Menteri Mengenai Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Awam Serta Aktiviti-aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan Tahun 1998 | 29 Oktober, 1999 |
| CMD. 20A | Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Awam Serta Aktiviti-aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan Tahun 1998 | 29 Oktober, 1999 |
| CMD. 21 | Anggaran-anggaran Hasil Persekutuan Malaysia Bagi Tahun 2000 | 29 Oktober, 1999 |
| CMD. 22 | Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Hasil Bagi Tahun 2000 | 29 Oktober, 1999 |
| ST. 131 | Akaun Awam Persekutuan 1998 [Ringkasan dan Lengkap] | 29 Oktober, 1999 |